

Pak Ical Suntik Inspirasi

Unit Komunikasi Korporat

Wed 10/4/2017 8:48 AM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;

Cc: Staf - Pesara UUM <pesaranet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia




04 OKTOBER 2017 / 13 MUHARAM 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

PAK ICAL SUNTIK INSPIRASI





UUM ONLINE: Inovasi, kreativiti, kualiti manusia dan pendidikan satu rahsia yang sukses untuk merebut kemajuan pada abad ke-21.

"Walaupun prestasi Asia sangat bagus namun jalan yang kita tempuh masih panjang jadi berhijrah dengan lebih cepat, banyak membaca dan mencuba selain memanfaatkan ilmu pengetahuan dan teknologi maklumat."

Ucap Pengasas Universiti Bakrie Bapak Ir. H. Aburizal Bakrie atau Pak Ical yang memberi inspirasi kepada warga kampus ketika menyampaikan Kuliah Umum bertajuk Hubungan Malaysia – Indonesia: Membangun Sinergi Dari Sisi Bisnes Pendidikan Dan Sumber Daya Manusia, di EDC Hotels & Resorts.

Jelasnya, kerjasama antara UUM dan Universiti Bakrie amat strategik dan bermanfaat dalam usaha meningkatkan sistem dan kualiti pendidikan serta sumber manusia di kedua-dua buah universiti.

Ujarnya, lawatan ini mengeratkan lagi hubungan kedua-dua buah universiti untuk bersama-sama mencapai tujuan tranformation of humanity dalam merintis perubahan umat manusia ke arah yang lebih baik.

"Ada gunanya kita hidup bukan sahaja untuk diri kita tetapi masyarakat dengan meningkatkan kehidupan manusia dan menjadi pembuat solusi yang sangat beerti kepada rakyat.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, sebagai tokoh usahawan terkemuka, yang pernah memegang jawatan tinggi negara, Pak Ical kini memperkuatkan hubungan dua hala melalui diplomasi trek II, iaitu mengembangkan *hubungan people to people – the non-state actors* sebagai penyelesaian masalah terbaik sekiranya timbul sebarang isu.

"Kuliah umum mempunyai impak yang tinggi bukan sahaja dalam konteks hubungan Malaysia-Indonesia sebagai negara serumpun, tetapi juga bagi UUM sebagai institusi pengajian tinggi yang mempunyai visi "Menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka."

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
 ☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
 📞 04-928 3053
 ✉ ukkuum@uum.edu.my
 📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)

ANJUNG
 Tamu UUM

 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.